

17 FEB 2000

Razaleigh-Akur

KU LI ULANGI PENDIRIAN UNTUK TIDAK BERTANDING

KOTA BAHARU, 17 Feb (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah malam ini mengulangi pendiriannya untuk tidak bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Katanya, beliau sendiri tidak pernah bercadang untuk bertanding tetapi ada pihak tertentu yang sengaja membuat andaian kononnya beliau akan bertanding merebut satu daripada jawatan tertinggi parti.

"Saya kata tak ada, dia (pihak tertentu) kata ada...habis macam mana saya nak jawab lagi," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa di sini selepas menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kuala Lumpur.

Selepas mesyuarat itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno berkata beliau percaya Tengku Razaleigh akan berpegang kepada kenyataannya untuk tidak bertanding bagi dua jawatan tertinggi itu.

Perdana Menteri berkata Majlis Tertinggi Umno menyambut baik kenyataan tersebut yang dianggap selaras dengan kedudukan Tengku Razaleigh sebagai anggota MT dan pendirian MT yang sebulat suara memutuskan kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

"Saya rasa semua pihak sudahpun maklum mengenai keputusan MT itu dan saya sendiri telahpun memaklumkan hasrat saya itu kepada semua pihak (untuk tidak bertanding)," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata beliau akan melihat terlebih dahulu sokongan bahagian yang sebelum ini dikatakan akan mencalonkan beliau untuk bertanding tetapi menurutnya adalah wajar bahagian berkenaan menerima nasihat MT itu.

"Saya barangkali pun tidak dikehendaki lagi...barangkali itulah tak ada sokongan tetapi kalau ahli ada rancangan (untuk mencalonkannya) kita tengoklah dulu tetapi itulah nasihat MT," katanya.

Sebuah akhbar hari ini memetik Tengku Razaleigh sebagai berkata beliau tidak mempunyai sebarang rancangan untuk bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti.

-- BERNAMA

ZI RHM